

BAB 2 Sintaksis

2.1 Definisi Bidang Sintaksis.....

Definisi Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang melakukan kajian tentang bentuk, struktur, dan binaan ayat.

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008:339)

- Sintaksis merupakan satu daripada bahagian dalam tatabahasa, selain morfologi.
- Sintaksis mengkaji rumus atau cara penggabungan dan penyusunan kata atau kelompok kata untuk membentuk ayat.
- Aspek yang tergolong dalam sintaksis ialah frasa, klausa dan ayat.

Aspek Sintaksis



2.1.1 Ayat

Konsep Ayat

Ayat ialah unit pengucapan yang terletak paling tinggi dalam susunan tatabahasa dan mempunyai makna yang lengkap.

- Ayat terdiri daripada rentetan kata yang diterbitkan melalui rumus-rumus nahu yang tertentu (Abdullah Hassan, 1986:180).
- Ayat terbina daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang terbentuk daripada gabungan klausa.

Ciri Ayat

- Pengucapan ayat bermula dan berakhir dengan kesenyapan.
- Ayat terdiri daripada sekurang-kurangnya satu subjek dan satu predikat atau mengandungi satu klausa.
- Ayat mengandungi intonasi yang sempurna (Nik Safiah Karim *et al.*, 2008:432). Intonasinya adalah dalam bentuk menurun sebelum kesenyapan (Abdullah Hassan, 1986:180).

- Ayat yang paling asas ialah ayat asas atau ayat dasar. Daripada ayat dasar boleh wujud ayat terbitan.
- Pelbagai ayat wujud dalam bahasa Melayu berdasarkan susunan, jenis, ragam, dan bentuk.

2.1.2 Klausa

Konsep Klausa

- Dari segi kedudukan dalam tatabahasa, klausa ialah unit atau korpus yang berada di tempat kedua tertinggi, iaitu di atas frasa dan di bawah ayat.
- Dari segi binaan, klausa ialah satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat dan menjadi konstituen kepada binaan ayat.
- Klausa ialah binaan yang paling hampir dengan ayat, dan dikenali sebagai ayat apabila dapat diucapkan dengan intonasi yang sempurna.
- Klausa juga dikenali sebagai ayat kecil, anak ayat, atau ayat tambahan.

Ciri Klausa

- 1 Bentuk yang selaras dengan ayat
 - Mempunyai subjek dan predikat (Asmah Haji Omar, 1986:343).
 - Klausa dapat diujarkan dengan intonasi yang sempurna.
- 2 Bentuk yang belum sempurna sebagai ayat
 - Belum memiliki ciri yang sempurna seperti yang ada pada ayat.
 - Tidak mempunyai subjek atau predikat
 - Dalam peguajaran, tidak disertai dengan intonasi yang sempurna.
 - Berfungsi sebagai keterangan atau penambah sahaja.
 - Dalam tulisan, klausa bermula dengan huruf kecil dan tidak diakhiri dengan noktah (Ahmad Khair Mohd Nor *et al.*, 2012:378).

Fungsi Klausa

- Satu klausa membentuk satu ayat tunggal.
- Dua klausa atau lebih membentuk satu ayat majmuk.
 - Adik masih tidur. → Ayat tunggal
 - Adik masih tidur + walaupun hari sudah petang → Ayat majmuk

2.1.3 Frasa

Konsep Frasa

- Dari segi kedudukan, frasa merupakan unit atau korpus yang terletak di tingkat yang paling bawah dalam susunan sintaksis, tetapi lebih tinggi daripada perkataan dalam tatattingkat tatabahasa.
- Dari segi binaan, frasa boleh terdiri daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan dan dapat berfungsi sebagai satu konstituen dalam binaan ayat.

- Frasa boleh terdiri daripada satu kata sekiranya dapat diperluas menjadi unit yang mengandungi dua perkataan atau lebih (Nik Safiah Karim *et al*, 2008:435).

- orang
- orang bandar
- anak orang bandar

- Secara umumnya frasa menjadi pengisi dalam konstituen subjek dan predikat ayat.

Ciri Frasa


- Beberapa ciri frasa adalah seperti berikut:

Ciri-ciri	Contoh
Berpotensi diperluas	• <i>rumah</i>
• Kata intinya dapat diperluas menjadi dua atau lebih perkataan	• <i>rumah kayu</i>
• Hal ini boleh dilakukan sebelum atau selepas kata inti.	• sebuah <i>rumah kayu</i>
Tidak mengandungi subjek dan predikat	• melawat
• Binaannya terdiri daripada unsur inti atau inti dengan penerang sahaja.	• padang permainan
Boleh disisipkan unsur lain di antaranya	• dua ekor anak angsa
• Boleh disisipkan kata hubung dan kata sendi nama di antara dua perkataan yang membina frasa	• ibu (<i>dan</i>) bapa
• Penyisipan tidak mengubah makna asalnya	• budak (<i>dari</i>) kampung
Kesatuannya tidak boleh dipisahkan	• makalah (<i>tentang</i>) politik
• Apabila frasa hendak diubah kedudukannya, seluruh frasa itu harus diubah juga sebagai satu kesatuan.	Mereka/masih bermain/di taman itu.
	1a. Masih bermain/mereka/di taman itu.
	1b. Di taman itu/mereka/masih bermain.
	1c. Di taman itu/masih bermain/mereka.

2.2 Jenis dan Binaan Frasa.....

- Frasa terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.
- Terbahagi kepada dua jenis binaan berdasarkan penyebaran (distribusi) dalam ayat (Asmah Haji Omar, 1986:250).

Jenis binaan frasa



1 Frasa endosentrik

- Merujuk kepada frasa yang mengandungi unsur inti.
- Inti ialah unsur yang boleh mewakili keseluruhan frasa itu dan diberikan penumpuan makna.
- Inti tidak boleh digugurkan.
- Frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif merupakan frasa endosentrik.
 - Inti frasa nama terdiri daripada kata nama
 - Inti frasa kerja merupakan kata kerja
 - Inti frasa adjektif ialah kata adjektif.
- Inti boleh wujud bersendirian atau bersama dengan penerang.
- Ketiga-tiga frasa merupakan frasa utama dalam binaan klausa atau ayat.

Frasa endosentrik	Contoh frasa	Inti
Frasa nama	• anak <i>ayam</i>	ayam
	• <i>ayam</i> jantan kami	
Frasa kerja	• baru <i>hadir</i>	hadir
	• <i>hadir</i> lewat petang	
Frasa adjektif	• sangat <i>cantik</i>	cantik
	• <i>cantik</i> bagai bidadari	

2 Frasa eksosentrik

- Merupakan frasa yang tidak terdapat unsur inti yang boleh mewakili keseluruhan frasanya.
- Frasa sendi nama tergolong dalam frasa jenis ini.
- Frasa ini mengandungi dua unsur yang tidak boleh dipisahkan, iaitu:
 - kata sendi nama
 - kata nama atau frasa nama
- Jikalau dua unsur berkenaan dipisahkan, yang wujud hanyalah kata sendi nama, kerana kata nama atau frasa nama itu tidak lagi menjadi unsurnya.
- Frasa ini lazimnya menjadi frasa tidak utama dalam binaan klausa atau ayat.

Frasa eksosentrik	
Kata sendi nama	Kata nama/Frasa nama
• <i>daripada</i>	kakak angkatnya
• <i>di</i>	gelanggang badminton
• <i>oleh</i>	doktor
• <i>pada</i>	hari itu
• <i>kepada</i>	kami semua

2.2.1 Frasa Nama

Konsep Frasa Nama

- Frasa nama ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu atau susunan beberapa kata.
- Frasa nama terbina daripada sekurang-kurangnya satu inti yang terdiri daripada mana-mana jenis kata nama. Inti frasa nama boleh terdiri daripada mana-mana bentuk kata.

Fungsi frasa nama dalam ayat

Fungsi frasa nama ditentukan melalui kehadirannya dalam binaan ayat.

1 Frasa utama subjek

Frasa nama hadir sebagai frasa utama dalam binaan subjek ayat.

Frasa nama subjek	Frasa predikat
• <i>Ular itu</i>	muncul dari arah pantai.
• <i>Remaja tersebut</i>	benar-benar murah hati.
• <i>Kegagalan</i>	dapat diatasi dengan usaha yang gigih.

2 Frasa utama predikat

Frasa nama boleh hadir pada konstituen predikat secara serentak sebagai frasa utama juga.

Frasa nama subjek	Frasa predikat
• Saudaranya	<i>pekerja syarikat itu.</i>
• Budak-budak itu	<i>ahli Persatuan Bulan Sabit Merah.</i>
• Tanah air kita	<i>kebanggaan kita.</i>

3 Frasa objek

- Frasa objek ialah frasa nama yang hadir selepas kata kerja transitif.
- Hal ini terdapat dalam binaan ayat aktif transitif.

Frasa subjek	Frasa predikat	
	Kata kerja transitif	Frasa objek
• Dia	hendak memohon	<i>jawatan itu.</i>
• Mereka	sedang memanggil	<i>kamu.</i>
• Pihaknya	menggagalkan	<i>projek perumahan itu.</i>

4 Pelengkap

- Terdiri daripada frasa nama yang mengikuti kata kerja tak transitif.
- Hal ini terdapat dalam binaan ayat aktif tak transitif berpelengkap.
- Frasa ini tidak boleh digugurkan.

Frasa subjek	Frasa predikat	
	Kata kerja transitif	Frasa nama pelengkap
• Saya	tidak mahu menjadi	<i>jurutera.</i>
• Wajahnya	hampir menyerupai	<i>wajah saya.</i>
• Tidurnya	berselimutkan	<i>cadar lusuh.</i>

5 Unsur pelengkap bagi frasa sendi nama


- Frasa nama hadir selepas kata sendi nama dalam frasa predikat.
- Terdapat juga kehadiran selepas kata arah yang mengikuti kata sendi nama.

Frasa subjek	Frasa predikat	
	Kata sendi nama	Frasa nama
• Mereka	di	<i>bilik persalinan.</i>
• Derma ini	untuk	<i>surau sekolah kami.</i>
• Pelancong itu	dari selatan	<i>negara jiran.</i>

Binaan frasa nama

- 1 Terdiri daripada satu perkataan sahaja ataupun beberapa perkataan.
 - Satu kata – perkataan itu sendiri menjadi kata inti.
 - Dua kata – boleh terdiri daripada jenis hubungan bersama dengan inti lain dan bersama dengan penerang.
- 2 Konstituen atau unsur frasa nama terdiri daripada kata nama sebagai inti.
- 3 Inti ialah unsur yang diberikan penumpuan makna dan mewakili seluruh frasa nama, sementara penerang ialah unsur yang menerangkan makna inti.

Jenis hubungan frasa nama



(a) **Inti dengan Penerang**

- Terdiri daripada satu kata yang merupakan inti dan kata lain sebagai penerang kepada inti.
- Penerangnya boleh terdiri daripada penerang nama atau penerang bukan nama.

(i) **Penerang nama**

Penerang nama	Contoh
Keturunan	<ul style="list-style-type: none">• budaya <i>Cina</i>• keturunan <i>Portugis</i>• masyarakat <i>British</i>
Jenis	<ul style="list-style-type: none">• harimau <i>bintang</i>• kerusi <i>kayu</i>• baju <i>sukan</i>
Penyambut	<ul style="list-style-type: none">• pengawal <i>bank</i>• penulis <i>puisi</i>• pemandu <i>pelancong</i>
Kegunaan	<ul style="list-style-type: none">• getah <i>pemadam</i>• sabun <i>pencuci</i>• kayu <i>pemukul</i>
Kelamin atau jantina	<ul style="list-style-type: none">• anak <i>perempuan</i>• kambing <i>jantan</i>• polis <i>wanita</i>• Melayu <i>Kelantan</i>
Tempat	<ul style="list-style-type: none">• penduduk <i>kampung</i>• anak <i>tempatan</i>• kawasan <i>tenggara</i>
Arah	<ul style="list-style-type: none">• simpang <i>kiri</i>• negara <i>timur</i>• barah <i>paru-paru</i>
Anggota badan	<ul style="list-style-type: none">• gelang <i>tangan</i>• batang <i>hidung</i>• dapur <i>minyak</i>
Tenaga penggerak	<ul style="list-style-type: none">• kipas <i>elektrik</i>• kapal <i>wap</i>• buatan <i>Malaysia</i>
Milik	<ul style="list-style-type: none">• sekolah <i>kita</i>• baju <i>Salmah</i>• bilik <i>persidangan</i>
Hal atau perkara	<ul style="list-style-type: none">• garis <i>panduan</i>• musim <i>perayaan</i>• baju <i>Melayu</i>
Khas	<ul style="list-style-type: none">• kerajaan <i>Australia</i>• planet <i>Utahid</i>• <i>Haji</i> Mukhri
Panggilan atau gelaran*	<ul style="list-style-type: none">• <i>Pak Cik</i> Daud• <i>Sang</i> Kancil

- Semua bentuk penerang lazimnya mengikuti unsur inti, tetapi penerang jenis panggilan atau gelaran (*) – termasuklah nama jolokan atau nama penghormatan – mendahului inti.

(ii) **Penerang bukan nama**

- Terbentuk daripada bukan golongan kata nama, sama ada kata kerja, kata adjektif, frasa sendi nama, kata bilangan ordinal, atau penentu.
 - Penerang penentu terdiri daripada dua jenis:
 - Penentu hadapan – terdiri daripada kata bilangan yang diikuti oleh penjodoh bilangan, yang terletak di hadapan unsur inti.
 - Penentu belakang – terdiri daripada perkataan *itu*, *ini* dan *tersebut* yang hadir di belakang unsur inti.

Penerang bukan nama	Contoh
Kata kerja	<ul style="list-style-type: none">• siji <i>lahir</i>• meja <i>makan</i>• dewan <i>bedah</i>
Kata adjektif	<ul style="list-style-type: none">• golongan <i>kaya</i>• bulan <i>gelap</i>• pokok <i>rendang</i>• hadiah <i>untuk kekasih</i>• sumbangan <i>kepada fakir miskin</i>
Frasa sendi nama	<ul style="list-style-type: none">• tentera dari <i>negara Komanwel</i>• bahagian <i>ketiga</i>
Bilangan ordinal	<ul style="list-style-type: none">• pengunjug <i>kesejuta</i>• mesyuarat <i>pertama</i>• <i>kedua-dua</i> batang sungai
Penentu	<ul style="list-style-type: none">• <i>hadapan</i> <i>lapan puluh</i> orang calon• <i>semua</i> kejadian• kucing <i>ini</i>• pasukan <i>itu</i>• petinju <i>tersebut</i>
Adverba	<ul style="list-style-type: none">• hari <i>kemudian</i>• pertunjukan <i>lusa</i>• kaedah <i>begitu</i>

- Terdapat inti yang penerangnya lebih daripada satu iaitu penerang adjektif, penerang kata nama, dan penerang penentu belakang.

Inti	Penerang		
	Adjektif	Kata nama	Penentu belakang
• kerja	baharu	ayah	—
• pintu	utama	sekolah	itu
• kotak	hitam	pesawat	tersebut

(b) **Inti dengan Inti**

- Binaan jenis ini tiada penerang kerana kedua-dua katanya merupakan kata inti yang terbina secara berderetan.
- Binaan ini terdiri daripada dua jenis:
 - inti + inti yang *bersamaan* erti
 - inti + inti yang *berlawanan* erti

Inti dengan Inti	
Jenis	Contoh
Bersamaan erti	• hutan rimba
	• ribut taufan
	• wang ringgit
	• sawah ladang
Berlawanan erti	• hamba abdi
	• teruna dara
	• saudara saudari
	• kerusi meja
	• datuk nenek
	• jantan betina

Susunan konstituen frasa nama

- 1 Frasa nama dibina dengan susunan konstituennya berdasarkan hukum D-M.
- 2 Binaan yang tidak mematuhi hukum D-M, dianggap keculian hukum D-M.

(a) **Hukum D-M**

- D-M bermaksud unsur diterangkan (D) mendahului unsur menerangkan (M), iaitu inti mendahului penerang
- Unsur yang diterangkan (D) merupakan unsur inti, manakala unsur yang menerangkan (M) merupakan penerang. Hal ini bermakna inti hadir sebelum penerang

Diterangkan (Inti)	Menerangkan (Penerang)
• bahan	api
• cacing	kerawit
• pendingin	hawa
• serbuk	lada
• tentera	kita

(b) **Kecualian Hukum D-M**

- Merupakan pelepasan bagi binaan frasa nama yang tidak mematuhi hukum D-M yang diterima sebagai betul.
- Terjadi disebabkan kelaziman dalam penggunaan, atau disebabkan terjemahan terus daripada binaan frasa bahasa asing.
- Contohnya pada nama-nama jawatan, selain bilangan dan nama panggilan atau gelaran.

Kecualian Hukum D-M		
Kecualian	Penerang (M)	Diterangkan (D)
Nama jawatan	• Ibu	pejabat
	• naib	pengerusi
	• pembantu	penyelidik
	• Perdana	Menteri
Kata bilangan	• Timbalan	Yang Dipertua
	• beberapa ekor	musang
	• sepuluh buah	Proton Perdana
	• segelintir	penghuni
	• sepasang	murai
	• tiga kuntum	bunga raya
Nama panggilan atau gelaran	• Datuk	Salleh
	• Kak	Zanariah
	• Puan	Mariaton
	• Sang	Sapurba
	• Tengku	Shamsuddin

2.2.2 Frasa Kerja

Definisi Frasa Kerja

Frasa kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu kata atau susunan beberapa kata yang melibatkan kata kerja.

Konsep

- Frasa kerja mengandungi satu inti yang terdiri daripada mana-mana jenis kata kerja.
- Inti frasa kerja boleh terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan, kata ganda atau kata majmuk.
- Kata kerja inti tersebut ialah kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif.
- Kata kerja transitif diikuti oleh kata nama sebagai objek.
- Kata kerja tak transitif boleh bersendirian atau bersama dengan kata lain seperti kata nama, kata adjektif dan frasa sendi nama.

Fungsi frasa kerja dalam binaan ayat

Fungsi utama frasa kerja dapat dilihat pada konstituen predikat ayat.

• Frasa utama predikat

Frasa kerja hadir sebagai unsur utama dalam binaan predikat.

Frasa subjek	Frasa kerja predikat
• Mereka	makan ayam percik.
• Kami	telah berjaya.
• Penduduk kampung	menghalau gajah liar tersebut.

• Subjek

- Asalnya ialah kata kerja yang menjadi penerang bukan nama kepada frasa nama.
- Kata kerja itu berfungsi sebagai frasa nama subjek apabila frasa nama asalnya digugurkan.

Frasa subjek	Frasa kerja predikat
• Berkebun	menambahkan pendapatannya.
• Berlagak	tidak digemari masyarakat.
• Ejek-mengejek	harus dielakkan.

Binaan frasa kerja

- Frasa kerja ialah binaan yang mempunyai kata kerja sebagai unsur intinya.
- Binaan frasa kerja terdiri daripada tanpa objek dan berobjek.

Binaan frasa kerja



1 Frasa kerja tak transitif

- Frasa kerja yang tidak memerlukan kata nama atau frasa nama sebagai penyambut atau objek mengikutinya, atau frasa kerja tanpa objek.
- Terbentuk daripada kata kerja sebagai unsur intinya yang dipanggil kata kerja tak transitif.

(a) Frasa kerja tak transitif tanpa pelengkap

- Frasa kerja atau kata kerja yang sudah mempunyai makna yang sempurna dan tidak memerlukan apa-apa unsur sebagai pelengkap makna.
- Boleh diikuti kata atau frasa sebagai unsur pilihan, yang berfungsi sebagai keterangan, dan boleh digugurkan dengan tidak mengubah makna.

Frasa kerja tak transitif tanpa pelengkap		
Subjek	Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap	Keterangan (Boleh digugurkan)
• Pokok getah itu	tumbang.	-
• Padi Wak Jali	menguning	(di bendang).
• Penonton	terpegun	(seketika).

(b) Frasa kerja tak transitif berpelengkap

- Frasa kerja yang memerlukan pelengkap selepasnya kerana tidak mempunyai makna yang sempurna.
- Pelengkap tidak boleh digugurkan supaya makna kata kerja menjadi sempurna.
- Unsur yang menjadi pelengkapnya bukan objek kerana tidak boleh dipasifkan.
- Pelengkap boleh terdiri daripada kata nama, kata adjektif atau frasa sendi nama.

Frasa kerja tak transitif berpelengkap		
Jenis pelengkap	Contoh	
	Kata kerja tak transitif	Pelengkap (Tidak boleh digugurkan)
Kata/Frasa nama	• Berbekalkan • berpandukan • berteman	<i>semangat</i> <i>peta</i> <i>gadis cantik</i>
Kata/Frasa adjektif	• terbukti • beransur • menjadi	<i>sangat jahat</i> <i>baik</i> <i>segar</i>
Frasa sendi nama	• ada • singgah • membelok	<i>pada abahnya</i> <i>di pinggir bandar</i> <i>dari kiri</i>

(c) **Frasa kerja tak transitif berpenerang**

- Frasa kerja yang diikuti oleh penerang yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama.
- Penerang boleh digugurkan tanpa merosakkan makna kata kerja.

Frasa kerja tak transitif dengan penerang

Frasa kerja tak transitif	Penerang (Boleh digugurkan)
• berkain	<i>batik</i>
• berniaga	<i>keledek goreng</i>
• berselipar	<i>Jepun</i>

2 **Frasa kerja transitif**

- Frasa kerja yang diikuti oleh kata nama atau frasa nama yang berfungsi sebagai objek, atau frasa kerja berobjek.
- Objek ialah penyambut yang perlu hadir selepas kata kerja transitif.
- Kata kerja transitif ini menjadi unsur inti kepada frasa kerja transitif.
- Ayat yang terbentuk dengan menggunakan frasa kerja transitif ialah ayat aktif transitif.

Frasa kerja transitif

Frasa kerja transitif	Objek (Kata/Frasa nama)
• mempertahankan	<i>kami</i>
• menghadiahi	<i>kawannya</i>
• menghidangkan	<i>makanan ringan</i>
• minum	<i>air kelapa</i>
• tertampar	<i>bola</i>

- Frasa kerja transitif boleh dipasifkan dengan cara mengubah unsur yang berikut:
 - Objek dijadikan subjek atau unsur yang diterangkan
 - Subjek asal ayatnya diletakkan pada bahagian predikat ayat

Frasa kerja transitif **Frasa kerja pasif**

• mempertahankan <i>kami</i>	→ <i>kami</i> dipertahankan
• menghadiahi <i>kawannya</i>	→ <i>kawannya</i> dihadiahi
• menghidangkan <i>makanan ringan</i>	→ <i>makanan ringan</i> dihidangkan
• minum <i>air kelapa</i>	→ <i>air kelapa</i> diminum
• tertampar <i>bola</i>	→ <i>bola</i> tertampar

- Frasa kerja transitif berobjek terdiri daripada dua jenis, iaitu satu objek dan dua objek.

(a) **Frasa kerja transitif dengan satu objek**

- Mempunyai satu objek sahaja sebagai penyambutnya.
- Objek tunggal itu mengikuti frasa kerja transitif tersebut secara terus.

Frasa kerja transitif dengan satu objek

Frasa kerja transitif	Satu objek
• membina	<i>jeti</i>
• merentasi	<i>padang</i>
• membalas	<i>warkahnya</i>
• menyebabkan	<i>air kelapa</i>
• terlanggar	<i>bahunya</i>

(b) **Frasa kerja transitif dengan dua objek**

- Frasa kerja yang diikuti oleh dua frasa nama.
- Kedua-dua objek itu merupakan dua benda atau hal yang berbeza.
 - (i) **Objek tepat:**
 - Menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerja iaitu yang terus mengikuti kata kerja.
 - Boleh mengalami penjudulan, iaitu menjadi subjek, sekiranya ayat dipasifkan.
 - (ii) **Objek sipi:**
 - Tidak menjadi penyambut secara langsung, iaitu objek yang kedua.
 - Tidak boleh dijadikan subjek.

Frasa kerja transitif dengan dua objek

Frasa kerja transitif	Objek tepat	Objek sipi
• memasak	<i>tetamu</i>	<i>gulai</i>
• mencari	<i>anakny</i>	<i>novel</i>
• menghadiahi	<i>kita</i>	<i>bunga</i>

- Frasa kerja transitif dengan dua objek boleh ditukarkan kepada frasa kerja dengan satu objek. Caranya:
 - Menukarkan bentuk frasa kerja asal.
 - Meletakkan objek sipi asal selepas frasa kerja transitif.
 - Meletakkan objek tepat asal selepas objek sipi asal.
 - Menyisipkan kata sendi nama *kepada* atau *untuk* di antara dua objek itu.

Menukarkan frasa kerja transitif dua objek kepada satu objek

Frasa kerja transitif	Objek sipi asal	Penyisipan kata sendi nama	Objek tepat asal
• memasak	gulai	kepada/	<i>tetamunya</i>
• mencari	novel	untuk	<i>anakny</i>
• menghadiahi	bunga		<i>kita</i>

Peluasan frasa kerja

1 Peluasan frasa kerja dengan kata bantu

- Kata bantu aspek dan kata bantu ragam mendahului frasa kerja untuk menunjukkan fungsi masa serta perasaan atau keinginan.
- Kata bantu tertentu boleh disusun secara berderetan tanpa lewah.
 - Kata bantu ragam + kata bantu ragam
 - Kata bantu aspek + kata bantu aspek
 - Kata bantu aspek + kata bantu ragam
 - Kata bantu ragam + kata bantu aspek

Peluasan frasa kerja dengan kata bantu			
Kata bantu aspek	Kata bantu ragam	Kata bantu aspek	Frasa kerja
• belum			bangun
• akan	–	–	berkahwin
• pernah			tersepak
	• boleh		berlaku
	• mahu		berfikir
	• harus		membawa
• masih		belum	keluar
• sudah		pernah	sampai
• masih		sedang	dimasak
	• mesti	hendak	bermain
	• harus	mahu	bertindak
	• tentu	dapat	datang
• akan	dapat		berdikari
• belum	ingin		menyerah
• sedang	mahu		menendang
	• harus	telah	kembali
	• mesti	mula	mendidih
	• pasti	baru	bergerak

2 Peluasan frasa kerja dengan keterangan

- Keterangan boleh terdiri daripada frasa nama, frasa adjektif dan frasa sendi nama untuk menjelaskan sesuatu hal tentang frasa kerja.
- Unsur ini hadir selepas sahaja frasa kerja tak transitif dan selepas objek bagi frasa kerja transitif.

Frasa kerja	Keterangan
• bercuti	<i>beberapa hari</i>
• hilang	<i>minggu lalu</i>
• berbau	<i>amat harum</i>
• terjadi	<i>pantas sekali</i>
• menebang buluh	<i>dengan kapak</i>
• menerima	<i>dari belakang</i>

2.2.3 Frasa Adjektif

Konsep Frasa Adjektif

- Frasa adjektif ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu kata atau susunan beberapa kata adjektif.
- Frasa adjektif mengandungi satu kata adjektif yang menjadi unsur inti atau unsur utama dalam binaan frasa tersebut.

Fungsi Frasa Adjektif dalam Binaan Ayat

Fungsi utama frasa adjektif dapat dilihat pada konstituen predikat ayat.

• Frasa utama predikat

- Frasa kerja hadir sebagai unsur utama dalam binaan predikat ayat.

Frasa subjek	Frasa adjektif predikat
• Markah ujiannya	<i>sangat baik.</i>
• Datuk kami	<i>uzur.</i>
• Langit	<i>kemerah-merahan.</i>

• Unsur keterangan kepada frasa kerja dalam frasa predikat

Unsur keterangan ini berfungsi sebagai kata adverba.

Frasa subjek	Frasa predikat	
	Frasa kerja	Keterangan
• Kanak-kanak itu	bertempik	<i>amat nyaring.</i>
• Kamu	bertolaklah	<i>segera.</i>
• Pencuri tersebut	melarikan diri	<i>sungguh pantas.</i>

• Penerang bagi frasa nama

Penerang boleh hadir dalam frasa subjek atau frasa predikat.

Frasa subjek	Frasa predikat
• Bapanya	orang <i>kaya.</i>
• Wanita <i>cantik</i> itu	orangnya <i>ramah.</i>
• Anak <i>kecilnya</i>	sedang tidur.

• Subjek


- Asalnya kata adjektif yang menjadi penerang bukan nama kepada frasa nama.
- Kata adjektif berfungsi sebagai frasa nama subjek apabila frasa nama asalnya digugurkan.

Frasa subjek	Frasa predikat
• <i>Merah</i>	simbol kepahlawanan agensi itu.
• <i>Lambat</i>	merugikan diri kita sendiri.
• <i>Aman</i>	perlu berkekal di negara kita.

Binaan Frasa Adjektif

Terbina daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang mengandungi satu kata adjektif sebagai unsur intinya.

Binaan Frasa Adjektif



1 Binaan satu perkataan

- Binaannya boleh terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan atau kata ganda.
- Oleh sebab terdiri daripada satu kata sahaja, kata adjektif tersebut menjadi inti secara sendirinya.

- pucat
- seenak
- dalam-dalam

2 Binaan dua perkataan

- Binaan dua perkataan menghasilkan konstituen baharu dengan makna baharu.
- Terdiri daripada dua bentuk, iaitu:

(a) Kata Adjektif + Kata Adjektif

- Binaan ini mengandungi deretan dua kata adjektif
- Binaannya terdiri daripada tiga bentuk.

Binaan kata adjektif + kata adjektif	
Bentuk binaan	Contoh
Menekankan keserasian atau kesamaan makna	<ul style="list-style-type: none"> <i>cantik molek</i> <i>gagah berani</i> <i>lemak manis</i> <i>penat lelah</i> <i>riang gembira</i>
Bertentangan atau berlawanan makna	<ul style="list-style-type: none"> <i>baik buruk</i> <i>kecil besar</i> <i>pahit manis</i> <i>tinggi rendah</i> <i>tua muda</i>
Unsur rima atau keindahan bunyi	<ul style="list-style-type: none"> <i>gemuk gedempol</i> <i>kaya raya</i> <i>kering kontang</i> <i>lemah gemalai</i> <i>tinggi lampai</i>

(b) Kata Adjektif + Kata Nama

- Binaan ini mengandungi kata adjektif yang menjadi inti frasa dengan kata nama sebagai penerangnya.

- Binaannya terdiri daripada dua bentuk berdasarkan maksudnya.

Binaan kata adjektif + kata nama	
Bentuk binaan	Contoh
Maksud keserupaan	<ul style="list-style-type: none"> <i>biru</i> laut <i>hijau</i> daun <i>kuning</i> langsung <i>merah</i> darah <i>muda</i> remaja <i>cepat</i> tangan <i>jauh</i> hati
Maksud kiasan	<ul style="list-style-type: none"> <i>panjang</i> akal <i>ringan</i> tulang <i>terang-terang</i> tanah

Peluasan Frasa Adjektif

1 Peluasan frasa adjektif dengan kata penguat

Diperluas dengan menambahkan mana-mana jenis kata penguat sama ada penguat hadapan, penguat belakang atau penguat bebas.

Peluasan frasa adjektif dengan kata penguat	
Jenis penguat	Contoh
Penguat hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <i>agak</i> berat <i>paling</i> canggih <i>terlalu</i> angkuh
Penguat belakang	<ul style="list-style-type: none"> cantik <i>nian</i> jahat <i>benar</i> rajin <i>sekali</i>
Penguat bebas	<ul style="list-style-type: none"> <i>amat</i> jernih – jernih <i>amat</i> <i>sungguh</i> lazat – lazat <i>sungguh</i> <i>sangat</i> rindu – rindu <i>sangat</i>

2 Peluasan frasa adjektif dengan kata bantu

Diperluas dengan menggandingkannya dengan kata bantu aspek dan kata bantu ragam.

Peluasan frasa adjektif dengan kata bantu	
Kata bantu aspek	Kata bantu ragam,
<ul style="list-style-type: none"> <i>akan</i> indah <i>belum</i> sihat <i>masih</i> cantik <i>pernah</i> kaya raya <i>sedang</i> nazak 	<ul style="list-style-type: none"> <i>harus</i> bersih <i>hendak</i> maju <i>mesti</i> rajin <i>patut</i> kuat <i>perlu</i> harum

- 3 **Peluasan frasa adjektif dengan kata bantu dan kata penguat**
- Diperluas dengan menggandingkannya dengan mana-mana jenis kata bantu yang mendahului atau mengikuti kata penguat.

Peluasan frasa adjektif dengan kata bantu dan kata penguat

Kata Bantu + Kata Penguat	Kata Penguat + Kata Bantu
• <i>masih terlalu</i> lemah	• <i>paling belum</i> jelas
• <i>sudah sangat</i> kukuh	• <i>sungguh belum</i> matang
• <i>patut amat</i> indah	• <i>sungguh masih</i> ceria

- 4 **Peluasan frasa adjektif dengan keterangan**
- Unsur keterangan yang memperluas frasa adjektif hadir selepas frasa adjektif.
 - Kebanyakan unsur keterangan terdiri daripada frasa sendi nama.
 - Berdasarkan makna, keterangan frasa adjektif terdiri daripada jenis keterangan.

Peluasan frasa adjektif dengan keterangan

Jenis keterangan	Contoh
Keterangan cara	• baik <i>dengan sendirinya</i> • layu <i>dengan tiba-tiba</i> • sihat <i>dengan cepatnya</i>
Keterangan bandingan	• bengis <i>seperti singa</i> • jahat <i>umpama iblis</i> • dalam <i>bak lautan</i>
Keterangan hal atau keadaan	• sibuk <i>dengan kerjanya</i> • cergas <i>dalam segala hal</i> • penting <i>dalam hal ini</i>
Keterangan tujuan	• aman <i>untuk keselesaan</i> • rajin <i>demi anak-anak</i> • cergas <i>untuk kepentingan kita</i>
Keterangan terhadap	• benci <i>akan warnanya</i> • rindu <i>akan ibunya</i> • gemar <i>akan aromanya</i>
Keterangan musabab	• lemah <i>kerana kurang usaha</i> • sayang <i>lantaran kebaikannya</i> • sukar <i>oleh sebab kaedahnya</i>
Keterangan waktu	• mewah <i>ketika remaja</i> • sejuk <i>pada waktu hujan</i> • rangup <i>selepas digoreng</i>
Keterangan tempat	• hitam <i>pada kening</i> • reput <i>di tengah-tengah</i> • jauh <i>dari bandar</i>
Keterangan kekerapan	• lapar <i>sentiasa</i> • sering <i>basah</i> • jarang-jarang <i>awal</i>

Informasi Tambahan

Bentuk yang betul dan yang salah tentang binaan frasa adjektif. Fahaman yang silap tentang binaan frasa adjektif ialah bahawa dua kata penguat tidak boleh digunakan dalam frasa yang sama.

1 **Yang Boleh atau Betul**

- (a) **Kata adjektif + kata penguat + kata adjektif**

- *amat* resah *sekali*
- *sungguh* baik *benar*
- *sangat* indah *nian*

- (b) **ter- + amat/sangat + kata adjektif darjah biasa**

- *teramat* lesu
- *tersangat* lapar
- *tersangat* mulia

2 **Yang Tidak Boleh atau Salah**

- Yang tidak boleh digunakan dalam frasa yang sama ialah dua kata penguat yang membawa fungsi darjah penghabisan atau kata penguat digabungkan dengan adjektif gandaan berentak yang sudah membawa makna kesangatan atau kepalingan.
- Bentuk-bentuk ini tidak diterima kerana lewah.

- (a) ***ter- + kata adjektif + kata penguat**

- *teramat* lesu
- *tersangat* lapar
- *tersangat* mulia

- (b) ***paling + kata adjektif + kata penguat**

- **tertua sekali*
- **termasyhur sekali*
- **terhebat sekali*

- (c) ***sangat/amat/tersangat/teramat + kata adjektif gandaan berentak yang sudah bermaksud kesangatan atau kepalingan**

- **amat* hancur-lebur
- **amat* kusut-masai
- **sangat* gilang-gemilang
- **tersangat* hiruk-pikuk
- **tersangat* gelap-gelita

2.2.4 **Frasa Sendi Nama**

Konsep Frasa Sendi Nama

Frasa sendi nama ialah binaan yang terdiri daripada satu kata sendi nama dan satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu.

(Nik Safiah Karim *et al*, 2008:421)

Dalam binaannya, frasa sendi nama mendahului frasa nama.

- *dari* Rantau Abang
- *di* rumah
- *untuk* nenek angkatnya

Fungsi Frasa Sendi Nama dalam Binaan Ayat

1 Frasa utama predikat

Frasa sendi nama hadir sebagai unsur utama dalam binaan predikat ayat.

Frasa subjek	Frasa sendi nama predikat
• Kawannya	<i>dalam kesedihan.</i>
• Butik ibu	<i>di Kuantan.</i>
• Tetamu kami	<i>dari Jakarta.</i>

2 Frasa keterangan/Frasa adverbial

Frasa sendi nama berfungsi sebagai keterangan atau adverbial apabila mengikuti frasa utama lain di hujung ayat.

Frasa subjek	Frasa predikat	
	Frasa utama	Keterangan
• Keluarga itu	masih bercuti	<i>di kampung.</i>
• Dia	amat penting	<i>dalam majlis itu.</i>
• Semua anaknya	ke Perak	<i>dengan adiknya.</i>

3 Unsur keterangan bagi frasa nama

Frasa sendi nama sebagai penerang bagi frasa nama boleh hadir dalam konstituen subjek atau predikat.

Frasa subjek	Frasa predikat
• Basikal <i>di tepi jalan itu</i>	rosak agaknya.
• Barangan <i>dari luar negeri</i>	memang mahal.
• Laluan <i>ke tengah hutan</i>	mencabar kesabaran kami.
• Cindai itu	cenderamata <i>untuk ibu.</i>
• Tiang-tiang rumahnya	kayu <i>dari hutan.</i>

Binaan Frasa Sendi Nama

Binaan asas frasa sendi nama

Binaan asas frasa sendi nama

Kata sendi nama + Frasa nama

1 Binaan asas

(a) Kata sendi nama + Frasa nama

Binaan ini merupakan binaan asas atau yang utama bagi frasa sendi nama.

Frasa subjek	Frasa predikat
• daripada	simen
• di	jambatan
• kepada	pelajar-pelajar
• sejak	zaman remaja
• untuk	kanak-kanak istimewa

(b) Kata sendi nama + Kata nama arah + Frasa nama

Kata nama arah yang mendahului frasa nama dalam binaan ini berfungsi menunjukkan tempat atau arah yang khusus. Dalam sesetengah keadaan, kata arah boleh digugurkan tanpa mengubah makna ayat.

Kata sendi nama	Kata nama arah	Frasa nama
• ke	dalam	bilik
• dengan	hujung	pisau
• dari	tepi	hutan
• di	tengah	sungai

2 Binaan tambahan atau peluasan frasa sendi nama

Terdiri daripada kata bantu yang terletak sebelum frasa sendi nama dan frasa keterangan yang hadir selepas frasa nama.

(a) Kata bantu + Kata sendi nama + Frasa nama

Kata bantu	Kata sendi nama	Frasa nama
• masih	di	padang
• telah	ke	bilik kuliah
• hendak	ke	kedai buku

(b) Kata sendi nama + Frasa nama + Frasa keterangan

Kata sendi nama	Frasa nama	Frasa keterangan
• dari	Kelantan	awal pagi tadi
• kepada	Rashid	untuk kamu
• ke	Pejabat Penerangan	setiap hari

(c) Kata sendi nama + Kata nama arah + Frasa nama + Frasa keterangan

Kata sendi nama	Kata nama arah	Frasa nama	Frasa keterangan
• ke	selatan	Filipina	pada tahun ini
• dari	atas	bukit	dengan ibunya
• di	dalam	bilik cetak	semenjak pagi

Penggunaan Frasa Sendi Nama Secara Umum

- Dua kata sendi nama yang serupa boleh digabungkan dalam bentuk setara dengan menggunakan kata hubung **dan** dan **atau**.
- Jika hubung **tetapi** digunakan, kata nafi **bukan** ditempatkan sebelum kata sendi nama pertama (Nik Safiah Karim *et al*, 2008:426).

- Jeritan terdengar **dari** hadapan **dan dari** belakang rumahku.
- Kamu berjanji **dengan** Iskandar **atau dengan** Ismail?
- Kami **bukan ke** baruh **tetapi ke** tepi sungai.

- Bagi gabungan yang menggunakan kata hubung **dan** dan **atau**, kata sendi nama selain **ke** pada unsur kedua boleh digugurkan secara pilihan sekiranya menggunakan kata hubung.

- Jeritan terdengar **dari** hadapan **dan** belakang rumahku.
- Kamu berjanji **dengan** Iskandar **atau** Ismail?

- Frasa sendi nama yang terdiri daripada kata sendi nama **dari** dan **ke** dengan frasa nama bentuk **se-**, awalan **se-** itu hendaklah digunakan pada kedua-dua bahagian frasa sendi nama, atau digugurkan kedua-duanya supaya wujud keseimbangan (Nik Safiah Karim *et al*, 2008:427).

- Perkembangannya dipantau **dari** sehari **ke** sehari.
- Kebolehannya makin menyerlah **dari** sepenggal **ke** sepenggal.
- Mereka berkempen **dari** rumah **ke** rumah.
- Kesihatan datuk kian merosot **dari** bulan **ke** bulan.

2.3 Jenis dan Binaan Klausa.....

Jenis Klausa

Berdasarkan fungsi dalam ayat, klausa dibahagikan kepada dua jenis.

Jenis Klausa



1 Klausa bebas

- Klausa bebas ialah klausa yang dapat berdiri sendiri sebagai ayat.
- Dikenali juga sebagai ayat utama atau ayat induk.
- Klausa bebas memiliki ciri ayat, iaitu
 - memiliki subjek dan predikat
 - mempunyai makna yang lengkap
 - dapat diungkapkan dengan intonasi yang sempurna

- Klausa bebas bersifat ayat yang sempurna, maka tidak memerlukan bantuan daripada klausa lain.

Dia sampai lambat.
Mereka terus pulang.
Emak memanggil kami.

- Klausa bebas dipanggil klausa utama apabila digandingkan dengan klausa tak bebas.

2 Klausa tak bebas

- Klausa tak bebas ialah klausa yang tidak dapat berdiri sendiri.
- Klausa ini merupakan klausa terikat dan dikenali juga sebagai klausa subordinat.
- Klausa tak bebas tidak bersifat ayat kerana
 - tidak mempunyai subjek atau tidak mempunyai predikat
 - tidak dapat diujarkan dengan intonasi yang sempurna
- Klausa tak bebas memerlukan klausa lain untuk berdiri dan membawa makna.
- Klausa ini menjadi penambah maklumat atau subordinat dalam binaan ayat.
- Penggunaan klausa tak bebas membentuk ayat kompleks, iaitu ayat majmuk pancangan.

- ...kerana hujan lebat
- ...apabila majlis selesai
- ...supaya masuk ke rumah

- Klausa tak bebas dikenali sebagai klausa kecil apabila digandingkan dengan klausa bebas.

Gabungan Klausa

- Klausa tak bebas perlu bergabung dengan klausa bebas untuk menerbitkan makna.
- Gabungan ini membentuk ayat majmuk, khususnya ayat majmuk pancangan.
- Dalam gabungan, klausa bebas dikenali sebagai klausa utama manakala klausa tak bebas dikenali sebagai klausa kecil.

Gabungan klausa bebas dan klausa tak bebas

Klausa bebas (klausa utama)	Klausa tak bebas (klausa kecil)
• Dia sampai lambat	kerana hujan lebat
• Mereka terus pulang	apabila majlis selesai
• Emak memanggil kami	supaya masuk ke rumah

Kedudukan Klausa dalam Ayat

1 Susunan klausa dalam ayat

- Dalam susunan ayat biasa, klausa utama mendahului klausa kecil.